



Mimbar Darul Tafsir



#59: Beberapa “Tips” Keibubapaan Dalam Al-Quran

Penulis Artikel

USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN

Felo | Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS)
Universiti Teknologi Nanyang Singapura



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque

Beberapa “Tips” Keibubapaan Dalam Al-Quran

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ ﴿٤﴾ قَالَ يَا بُنَيَّ لَا تَقْصُصْ رُؤْيَاكَ عَلَى إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلنِّسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٥﴾

“(Ingatlah peristiwa) ketika Nabi Yusuf berkata kepada bapanya [Ya'qub] : Wahai ayahku! Sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku. Bapanya berkata: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu, kerana aku khuatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadapmu.


Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia.” (Yusuf: 4-5)

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.” (Luqman: 13)



فَلَمَّا بَلَغَ مَعْهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى
قَالَ يَا أَبَتِ افْعُلْ مَا ثُوِّمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ




“Maka ketika anaknya [Ismail] itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, **Nabi Ibrahim berkata: Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; fikirkanlah apa pendapatmu?.** Anaknya menjawab: Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati aku dari orang-orang yang sabar.” (Al-Saffat: 102)

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءَ

“Wahai Tuhanku [Ibrahim]! Jadikanlah aku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.” (Ibrahim: 40)



PELAJARAN




Kesemua ayat-ayat di atas menceritakan tentang bapa. Hal ini memberi **pelajaran penting tentang peranan bapa dalam pendidikan anak-anak**. Namun, ia juga boleh dijadikan pelajaran keibubapaan untuk ibu dan bapa Muslim tentang pendidikan anak dalam keluarga.

Pertama ialah **jadilah ibu bapa yang terlibat aktif**.



03





Dialog-dialog antara Luqman (*Luqman*: 13), Nabi Ya`qub a.s. (*Yusuf*: 4-5) dan Nabi Ibrahim a.s (*Al-Saffat*: 102) dengan anak masing-masing adalah simbol sikap aktif mereka dalam mendidik anak.

Oleh kerana semua perbualan di atas adalah antara bapa, bukan ibu, dengan anak, ia **mempunyai pesanan khusus kepada para bapa**, iaitu **tidak menjadi bapa “arm-chair” dengan menyerahkan urusan pendidikan anak sepenuhnya kepada ibu, pengasuh atau guru-guru sekolah**.

Perhatikan, walaupun Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ya`qub a.s. sibuk kerana perlu melaksanakan tugas sebagai utusan Tuhan, tetapi masih mempunyai masa untuk berbual dengan anak masing-masing.



04




Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque




Kedua ialah **tunjukkan kasih sayang (affection) kepada anak-anak.**

Hal ini dapat dilihat dari **panggilan “Ya Bunayya (Wahai anak kesayanganku)”** (*Yusuf: 4-5, Luqman: 13 dan Al-Saffat: 102*) yang berbeza dengan “Ya Waladi” atau “Ya Ibni” yang hanya bermaksud “Wahai anakku”.

Walaupun panggilan itu merupakan bahasa kasih (love language) dalam bentuk lisan, ia boleh dikembangkan ke bentuk tingkah laku seperti belaian dan kucupan.

Ini juga memberi **pelajaran bahawa ibubapa agar tidak hanya menunjukkan otoriti (kuasa) kepada anak-anak dan melayan mereka secara otoritatif sahaja.**






Ketiga ialah **mudah didampingi (approachable)**.

Hal ini dapat dilihat dari **perbuatan Nabi Yusuf a.s yang mendatangi bapanya Nabi Ya`qub a.s untuk menceritakan mimpi**nya (Yusuf: 4-5).

Nabi Yusuf a.s bukan mahu mengadu tentang masalah serius yang dihadapinya. Beliau hanya ingin berkongsi tentang mimpi aneh dan memenuhi rasa ingin tahuanya sahaja. **Jika Nabi Ya`qub a.s bukan bapa yang mudah didampingi, Nabi Yusuf a.s. pasti tidak berani untuk berbicara tentang perkara remeh seperti mimpi.**

Nabi Ya`qub a.s pula menunjukkan sikap contoh dengan melayan keinginan anaknya walaupun beliau sibuk sebagai seorang Nabi yang memikul tanggungjawab dakwah kepada kaumnya.






Keempat ialah amalkan konsultatif.

Hal ini dapat dilihat dari pertanyaan Nabi Ibrahim a.s. akan pendapat anaknya Nabi Ismail a.s. setelah memberitahu akan perintah Tuhan untuk mengorbankan dirinya (Al-Saffat: 102).

Walaupun berhadapan dengan perintah Tuhan, Nabi Ibrahim a.s. memberi peluang kepada anaknya untuk memberi pandangan.

Usia Nabi Ismail a.s yang budak pun tidak menghalang Nabi Ibrahim a.s dari bersifat konsultatif.






Kelima ialah didik anak dengan pemikiran kritikal.

Hal ini dapat dilihat sekali lagi dari **sikap Nabi Ibrahim a.s yang tidak terus tuntut anaknya untuk “dengar dan patuh” sahaja atas dasar perintah Tuhan, tapi dengan memberi peluang kepada anaknya berfikir dan memberi pendapat** (*Al-Saffat*: 102) kerana muhul pastikan anaknya faham dan akur atas dasar kerelaan dan keyakinan, bukan takut atau taat buta.

Keenam ialah ambil berat soal pendidikan rohani anak, bukan hanya akademik.

Hal ini dapat dilihat dari **doa Nabi Ibrahim a.s agar keturunannya adalah mereka yang memelihara solat** (*Ibrahim*: 40). Solat dalam doa ini adalah simbol aspek kerohanian anak, iaitu soal iman dan hubungan dengan Tuhan.





Pencapaian akademik anak-anak adalah penting kerana Islam adalah agama yang menggalakkan pencarian ilmu dan cemerlang dalamnya, tetapi jangan sampai mengabai pendidikan agama dan rohani anak-anak.



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalaq budi anda dengan kebaikan setimpal!



09




Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque



Pencapaian akademik anak-anak adalah penting kerana Islam adalah agama yang menggalakkan pencarian ilmu dan cemerlang dalamnya, tetapi jangan sampai mengabai pendidikan agama dan rohani anak-anak.



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membala budi anda dengan kebaikan setimpal!



09



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque